

Nama :

Baca petikan di bawah dan jawab soalan di bawah.

Tukang Gunting Rambut

Encik Mansur mempunyai sebuah kedai gunting rambut di Ipoh. Setiap hari, beliau membuka kedai gunting rambutnya pada pukul 9.00 pagi. Encik Mansur mempunyai dua orang pekerja.

Encik Mansur ialah seorang tukang gunting rambut yang sangat mahir. Beliau mempunyai sijil kemahiran menggunting rambut. Pelanggannya terdiri daripada pelbagai kaum dan lapisan masyarakat. Beliau melayan pelanggannya dengan baik.

Peralatan yang digunakan oleh Encik Mansur ialah gunting rambut, sikat rambut, penyembur air, pengering rambut, pisau cukur, tuala muka, bedak talkum dan minyak rambut. Beliau sentiasa mengikuti perkembangan fesyen rambut terkini.



Nama :

Jawab soalan di bawah.

1. Apakah pekerjaan Encik Mansur?

a. Pereka fesyen

b. Penyelia kilang

c. Jurujual

d. Tukang gunting rambut

2. Di manakah kedai gunting rambut Encik Mansur?

a. Batu Caves

b. Taiping

c. Ipoh

d. Kuala Lumpur

3. Berapakah bilangan pekerja Encik Mansur?

a. Seorang

b. 2 orang

c. 3 orang

d. 4 orang

4. Pukul berapakah kedai Encik Mansur mula beroperasi?

a. 9.00 pagi

b. 9.00 malam

c. 10.00 pagi

d. 11.00 pagi

5. Antara berikut, yang manakah bukan peralatan untuk menggunting rambut?

a. Pengering rambut

b. Pisau pemotong

c. Pisau cukur

d. Penyembur air

Nama :

Seret dan lepas peralatan menggunting rambut yang berikut pada gambar yang betul

Tuala muka

Gunting rambut

Sikat rambut

Penyembur air

Pengering rambut

Pisau cukur



Nama :

Padankan peralatan menggunting rambut dengan gambar yang betul.



Gunting rambut



Sikat rambut



Penyembur air



Tuala muka



Pengering rambut



Pisau cukur